

Syor Dr M tangani banjir

Kuala Lumpur: Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan tingkat satu bangunan dan rumah ditinggikan untuk mencegah dilanda banjir.

Beliau berkata, tingkat satu - lobi atau dewan masuk - sesebuah bangunan perlu ditinggikan sekurang-kurangnya 12 kaki (3.6 meter) dari paras jalan raya, manakala dinding konkrit dibina di sekeliling bahagian bawah tingkat satu hingga ke tempat parkir di bahagian bawah bangunan.

Dalam tulisan terbaru beliau melalui blog www.chedet.cc, Dr Mahathir juga mencadangkan agar tanjakan dibina dari jalan raya ke pintu masuk bangunan di tingkat satu dan satu tanjakan lagi dibina untuk membolehkan kenderaan turun ke tempat letak kereta bertingkat.

"Jalan raya bertukar menjadi seperti longkang apabila berlaku banjir akibat hujan atau air pasang. Ini membolehkan air banjir mengalir

cepat ke dalam terusan atau sungai, sebaik saja air laut surut atau hujan berhenti," katanya.

Beliau berkata di kawasan pantai timur yang sering dilanda banjir pada musim monsun, penyelesaian paling mudah ialah membina bangunan bertiang seperti rumah Melayu.

Tingkat satu sesebuah rumah perlu dibina lebih tinggi daripada paras tertinggi air banjir. Tiang yang menyokong rumah pula perlu kukuh dan ditanam dengan dalam. Konkrit perlu digunakan," katanya.

Bagi mengelak kenderaan ditenggelami air pada musim monsun, Dr Mahathir mencadangkan agar tanjakan dibina bagi membolehkan kenderaan naik hingga ke tingkat satu.

Kata beliau kerajaan perlu berbelanja besar sebagai bantuan banjir dan melalui pembinaan rumah bertiang, wang ini boleh diijamatkan.

"Pada peringkat permulaan, sebahagian daripada wang yang diijamatkan ini boleh diguna memberi subsidi kepada pembinaan tiang ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, sekiranya idea ini diterima, arkitek boleh mereka bentuk tiang yang kelihatan menarik dan pertandingan boleh diadakan memilih reka bentuk rumah bertiang paling menarik.

"Sekiranya kita tidak berbuat sesuatu, setiap tahun, beribu-ribu orang perlu dipindahkan dan ada yang kehilangan nyawa. Di samping itu, banyak wang perlu dibelanjakan untuk makanan, urusan pemindahan dan memperbaiki kerosakan akibat banjir," katanya.

Bulan lepas, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sarawak dilanda banjir berikutan hujan lebat berterusan dan limpahan air sungai di beberapa kawasan sehingga menyebabkan beribu-ribu penduduk terpaksa dipindahkan dan banyak harta benda, musnah. - BERNAMA